

memiliki kilang, menjual belikan produksi kilang dan sebagainya. Di mana hukum kilang tersebut tertakluk kepada benda yang diproduksi. Apabila yang diproduksi hukumnya haram, kilangnya hukumnya juga haram. Apabila barangan yang diproduksi merupakan barang yang memenuhi keperluan orang ramai, maka kilang itu juga merupakan kilang yang menjadi hak milik awam.

Sedangkan masaalah mengenai masalah pembelanjaan pemilikan, Islam telah menetapkan bahawa setiap muslim hanya dimubahkan untuk membelanjakan hartanya di jalan yang dihalalkan oleh Allah. Apabila membelanjakan hartanya di jalan yang diharamkan, meskipun sedikit, hukumnya tetap haram. Inilah yang disebut dalam istilah fiqh dengan *israf wa tabzir*. Perbelanjaan harta yang dibenarkan oleh Islam, seperti perbelanjaan untuk dirinya dan orang yang menjadi tanggungannya seperti isteri, orang tua dan hamba di mana hukumnya adalah fardhu. Juga seperti perbelanjaan harta untuk tujuan meyambung hubungan kekerabatan seperti memberi hadiah yang hukumnya adalah sunnah. Perbelanjaan harta untuk sedekah kepada fakir, miskin dan orang-orang yang memerlukan hukumnya adalah sunnah. Ini termasuklah perbelanjaan harta untuk keperluan jihad, membeli senjata, menyiapkan tentera yang hukumnya adalah fardhu kifayah. Sedangkan membelanjakan harta untuk hal-hal yang diharamkan seperti *israf wa tabzir* dan rasuah.

Asas ketiga:

Pengagihan kekayaan ditengah masyarakat (*tauzi' al amwal baina annas*). Di dalam hal ini, Islam telah mensyariatkan hukum-hukum syara' yang dapat menjamin pengagihan kekayaan ditengah masyarakat secara merata. Antara lain:

- 1) Mewajibkan zakat
 - 2) Pemberian hak kepada seluruh anggota masyarakat untuk memanfaatkan pemilikan am.
 - 3) Pemberian negara secara percuma kepada anggota masyarakat yang memerlukan, yang diambil dari harta negara.
 - 4) Pembahagian harta waris kepada ahli waris
- Sebaliknya Islam mengharamkan:
- i) Penimbunan emas dan perak atau matawang
 - ii) Penimbunan barang
 - iii) Bakhil dan kikir

Inilah gambaran secara amnya tentang sistem ekonomi Islam yang tertuang dalam ketentuan hukum syara' yang berkenaan dengan masalah *muamalah*. ●

Penyalinan/penerbitan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan mendapat keredhaan Allah SWT. Tiada Hakcipta (Copyright) di dalam Islam.

Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-melkan ke buletin_islam@yahoo.com (<http://fin97.tripod.com>)

An Nahdha

CARILAH KEBANGKITAN YANG SEJATI

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa saat ini pemikiran umat Islam berada pada titik kemunduran paling bawah. Umat Islam sudah berusaha untuk bangkit sejak dahulu lagi akan tetapi hingga saat ini belum dapat mencapainya. Gema kebangkitan abad XV Hijrah bagi kaum muslimin belum dapat berjalan kerana negeri-negeri muslim lebih banyak melakukan pemaksaan hukum dan perundangan. Pemaksaan tersebut akan lebih berat lagi jika peraturan tersebut liar dan bathil. Semua negeri muslim saat ini terbelakang, tidak satupun yang mengarah pada kebangkitan yang sesungguhnya.

Sekalipun sebahagian hukum syara' telah diterapkan, tetapi tidak pernah akan mencapai kebangkitan umat apabila pemerintahan bukan ditegakkan atas dasar Fikrah Islam iaitu Aqidah Islam dan tidak dilakukan dengan pemaksaan perundangan. Dengan menegakkan Daulah Islam atas dasar itu, nescaya tercapailah kebangkitan yang sejati. Adapun pemerintahan yang didirikan atas dasar mazhabiyah akan menemui kegagalan dalam usaha menuju kebangkitannya. Wajiblah menegakkan satu khilafah atas dasar Aqidah Islam yang selanjutnya akan menerapkan Hukum-hukum Syara'. Hukum Syara' ini diterapkan semata-mata merupakan perintah Allah SWT dan bukan diambil berdasarkan asas kemashalatan dan manfaat sahaja. Dengan cara seperti ini kebangkitan akan dapat dicapai. Insyaaallah

Wahyu Ilahi

"Maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu menurut hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu"
(Al Maidah: 48)



Menggilap Permata Islam

AL-JAWAHIR

Bil 2/2000

4 Februari 2000

Edisi Mingguan

Persepsi Berbahaya Untuk Menghentam Islam: *Suatu Pendahuluan*

Islam sebagai ideologi yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW 1420 tahun yang lalu telah membawa sinar kesejahteraan bersamanya yang menyinar ke seluruh alam ini. Realiti dan faktanya telah terbukti dan tidak dapat dinafikan oleh sesiapaupun termasuklah musuh-musuh Islam itu sendiri. Pelbagai usaha dan upaya cuba dilakukan oleh pihak kuffar untuk memudahkan/menghilangkan sinar Islam ini dari muka bumi. Setelah usaha secara fizikal gagal meraih sebarang kejayaan, mereka telah mengalihkan serangan mereka kepada serangan pemikiran dan kebudayaan bagi mencapai hasrat mereka. Apa yang dapat diperhatikan saat ini usaha ini telah membuahkan hasil dan ini memberikan mereka suatu keyakinan untuk terus berusaha gigih mencapai hasrat mereka walaupun terpaksa membelanjakan modal yang tinggi. Atas kesedaran dan rasa kewajipan yang ada maka Al Jawahir melalui edisi mingguannya akan cuba untuk menjelaskan beberapa usaha musuh-musuh Islam ini untuk menghentam Islam dan mengukuhkan peradaban mereka ke atas kaum muslimin melalui penciptaan Persepsi-persepsi berbahaya.

Pendahuluan

Pertarungan antara kebaikan dan kejahatan atau antara haq dan batil adalah satu sunnatullah dalam kehidupan. Ini kerana Allah dengan hikmahNya berkehendak menjadikan pertarungan yang terjadi di antara manusia dan saling menolak keganasan sebagai salah satu faktor untuk menampakkan yang haq dan yang baik serta menghancurkan yang batil dan yang jahat. Allah SWT berfirman:

"*Seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dari sebahagian yang lain, pasti rosaklah bumi ini*" [Al Baqarah:251]

"*Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobuhkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid yang di dalamnya banyak disebut nama Allah*". [Al Hajj:40]

Rasulullah SAW dan para sahabatnya terjun dalam perseteruan pemikiran (ash shira'ul fikri) dan perjuangan politik (al kifayah siyasi) melawan orang-orang musyrik dalam rangka mendirikan Daulah Islamiyah. Seiring dengan itu, Baginda SAW turut terjun dalam pertarungan berdarah/jihad (ash shira'ud damawi) setelah

berdirinya Daulah Islamiyah demi untuk menyebarkan Islam sebagai risalah kebajikan dan petunjuk kepada seluruh manusia. Sejak dari itu, orang-orang kafir senantiasa membuat pelbagai tipu daya terhadap negara ini di sepanjang masa. Pelbagai cara yang ditempuh oleh golongan ini samada melalui aksi fizikal (seperti yang dilakukan oleh oleh bangsa Moghul, kaum salibis dan kafir Sepanyol) mahupun aksi yang mengarah kepada serangan pemikiran dan kebudayaan (tsaqafah) (seperti yang dilakukan oleh kaum zindiq serta para misionaris dan orientalis) dengan tujuan untuk menjatuhkan dan melemahkan kekhilafahan yang ada sebagai institusi pelaksana ajaran Islam dalam kancah kehidupan dunia, di bawah kepimpinan Khalifah.

Pada perang Dunia I mereka berhasil mewujudkan sasaran tersebut. Mereka telah meruntuhkan negara Khilafah dan mengusir Khalifah, memecah belah negeri-negeri Islam menjadi negara-negara boneka yang kerdil dan menerapkan hukum-hukum kufur serta sistem ideloginya di sana. Mereka menyangka bahawa dengan segala upayanya itu telah berhasil menghapuskan Islam dalam jiwa kaum muslimin.

Namun demikian ternyata umat Islam di bawah bimbingan putera-puteri nya yang mukmin, sedar dan ikhlas, kini telah kembali menempuh jalan

menuju kebangkitan. Negara-negara kafir pun tersedar, bahawa kekuatan Islam ternyata tidak terbatas hanya pada Khilafah sebagai institusi pelaksana Islam sahaja. Begitu pula usaha mereka untuk mencemari fikiran sebahagian kaum muslimin yang berjiwa lemah dengan kebudayaan (tsaqafah) barat, ternyata tidak juga terhasil angan-angan mereka.

Setelah mengadakan evaluasi dan pengkajian, mereka telah sampai kepada satu kesimpulan bahawa kekuatan Islam dan umatnya sesungguhnya berada di balik aqidah Islamnya berserta dengan pemikiran-pemikiran yang terlahir daripadanya. Hal ini kemudian mengharuskan mereka mengulangkaji strategi yang mereka tempuh untuk lebih dikembangkan lagi. Tujuannya adalah untuk negra-negara kafir, dengan institusi-institusi rasmi dan agen-agenya daripada kalangan penguasa dan intelektual, dapat menjalankan misinya untuk memusnahkan Islam. Caranya adalah dengan menghapus aqidah islamiyah sebagai Aqidah siyasiah (Dasar Sistem Politik) kemudian menggantikannya dengan aqidah sekularisme, iaitu pemisahan agama dari kehidupan. Mereka pun mulai melontarkan dan menerima pakai pelbagai pemikiran untuk mewujudkan tujuan tersebut. Seperti nasionalisme, demokrasi, pluralisme politik, hak asasi manusia, kebebasan dan politik pasaran bebas.

Kemudian mereka melontarkan pemikiran-pemikiran lain yang disertai dengan aksi-aksi, seperti dialog antara agama dan peradaban, perbincangan tentang anak-anak cucu nabi Ibrahim AS melabelkan Islam sebagai predikat terorisme, fundamentalisme dan ekstrimisme.

Penulis merasakan berkewajipan untuk menjelaskan hakikat lontaran-lontaran ini serta bahayanya kepada umat Islam, agar umat Islam menyedarinya dan dapat mengambil sikap yang syar'i terhadapnya apatah lagi dalam usaha mengembalikan Islam ke dalam realiti kehidupan (sebagai ideologi yang global dan sistem politik yang akan diterimapakai dan diterapkan oleh negara Khilafah kepada seluruh umat manusia) merupakan satu perkara yang diyakini adanya secara pasti. Bukan hanya umat Islam yang berjuang semata-mata tetapi juga seluruh umat Islam dan bahkan oleh musuh-musuh Islam yang tak henti-hentinya melakukan persekongkolan terhadap Islam dan kaum muslimin.

Penulis akan membahas pemikiran-pemikiran ini dengan menerangkan bahaya dan kekeliruannya. Pemikiran-pemikiran itu harus dipandang bukan hanya sebagai suatu yang harus difahami, atau hanya sebagai kerancuan yang harus ditolak, melainkan juga sebagai salah satu

usaha tipu daya Barat yang kafir di bawah pimpinan Amerika, Inggeris, dan Perancis untuk menghentam Islam dan para aktivis yang mengembalikan Khilafah, bahkan untuk menghentam negara Khilafah itu sendiri ketika ia diistiharkan tertegaknya nanti, Insyallah.

Oleh kerana itu, pelbagai pemikiran dan aksi negara-negara kafir itu harus dibongkar secara tuntas, agar kaum muslimin menyedari apa yang diingini oleh musuh Islam terhadap mereka serta menyedari pelbagai tipu daya terhadap agama mereka. Dengan demikian kaum muslimin akan semakin teguh berpegang kepada Islam dan semakin bersungguh-sungguh untuk berjuang mengembalikan Khilafah yang mengikut metod (minhaj) kenabian dalam rangka menteladani Rasulullah saw, agar mereka berhasil mendirikan kembali khilafah dan melaksanakan hukum yang diturunkan Allah SWT. Sebagaimana firmanNya : *"Dialah yang mengutuskan Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk (Al Quran) dan agama yang benar untuk dimenangkan-Nya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya."* [QS At Taubah:33]

Dan kami yakin sepenuhnya, jika kaum muslimin telah menunaikan kewajiban yang ditetapkan oleh Allah atas mereka, nescaya orang-orang kafir yang melakukan tipu daya terhadap Islam dan kaum muslimin itu akan kecewa dan gagal mencapai cita-citanya, akan merugi harta benda yang dibelanjakannya, dan akan padam segala pengaruhnya. Allah SWT berfirman: *"Sesungguhnya orang-orang kafir itu, menafkahkan harta mereka untuk menghalangi (orang) dari jalan Allah. Mereka akan menafkahkan harta itu, kemudian menjadi sesalan bagi mereka, dan mereka akan dikalahkan."* [QS Al Anfaal: 36]

Dalam siri yang akan datang, AI akan membawakan perbincangan berhubung dengan persepsi yang dimaksudkan antara lainnya termasuklah.

Terorisme Dialog antara Agama Jalan Tengah (Moderat/Kompromi) Fundamentalisme Globalisasi

Saji pastikan anda sentiasa mengikuti keluaran AI setiap minggu. Untuk langganan secara percuma sila hubungi buletin_islam@yahoo.com atau kunjungi sin97.tripod.com.
Assalam

— Al-Jawahir 2 —

Hukum Syara' dan Masalah Manusia dengan Sesama Manusia

Hukum-hukum Syara' yang menyelesaikan masalah manusia dengan sesamanya adalah hukum-hukum yang berkenaan dengan masalah ekonomi, politik, pemerintahan, sosial, pendidikan dan hukuman (uqubat). Termasuk di dalamnya hukum tentang dakwah. Sebab, hukum tentang dakwah ini mengatur hubungan manusia dengan sesamanya, berkenaan dengan hak dan kewajiban kepada orang lain. Akan tetapi, hukum-hukum berkenaan dengan pemerintahan, hukuman dan dakwah akan diterangkan secara khas pada perbincangan berikutnya.

Sistem Ekonomi Islam

Sistem Ekonomi Islam berbeza dengan ilmu ekonomi. Apabila ilmu ekonomi bersifat universal, tidak terikat pada pandangan hidup dan ideologi tertentu, maka sistem ekonomi pula sebaliknya. Sebab ilmu ekonomi adalah *ilmu yang membahas tentang produksi dan peningkatan kualiti produk, atau menciptakan sarana produksi dan peningkatan kualitinya*. Sedangkan sistem adalah *hukum atau pandangan yang membahas tentang pengagihan kekayaan, cara pemilikan serta bagaimana mengelolanya*. Meskipun dalam pandangan ini ahli ekonomi kapitalisme dan Sosialisme, kedua permasalahan ini tidak dapat diasingkan.

Kerana itu, sistem Ekonomi Islam berbeza dengan Kapitalisme dan Sosialisme. Dalam hal ini, Islam telah menetapkan asas sistem ekonominya berdasarkan tiga asas iaitu: 1.) Pemilikan (*al-milkiyah*) 2.) Pengelolaan dan pemanfaatan hak milik (*tasharruf al- milkiyah*) 3.) Mengagihkan kekayaan ditengah masyarakat (*tauzi' al-amwal baina an-nas*)

Asas pertama:

Pemilikan (*al-milkiyah*), iaitu *tatacara yang digunakan oleh seseorang untuk memperolehi manfaat yang dihasilkan oleh perkhidmatan atau benda tertentu*. Sedangkan pengertian pemilikan, menurut syara' adalah *izin Pembuat Syaria't untuk memanafaat zat*. Yang dimaksudkan dengan "izin" adalah hukum syara'. Sedangkan "Pembuat Syaria't" adalah Allah. Adapun maksud daripada "zat" adalah benda yang dapat dimanfaatkan.

Adapun jenis pemilikan menurut syara' terbahagi kepada tiga iaitu:

- (1) Pemilikan individu
- (2) Pemilikan am dan ,
- (3) Pemilikan negara.

Pemilikan individu adalah *izin yang diberikan oleh Pembuat Syaria't untuk memanfaatkan benda, samada berkenaan dengan barang bergerak, seperti kereta, motorsikal, wang mahupun barangan yang tidak bergerak seperti, tanah, rumah dan sebagainya*. Sedangkan Pemilikan am adalah *izin Pembuat Syari'at ke atas jemaah untuk memanfaatkan seperti api, air dan padang*.

Dari ketiga jenis benda yang disebutkan oleh hadis tentang keberhajian semua orang kepada benda tertentu, maka dapat diambil kesimpulan, bahawa semua benda yang menguasai hajat hidup orang ramai adalah termasuk dalam pemilikan am seperti jalanraya, bekalan elektrik, bekalan air, minyak dan sebagainya. Sedangkan pemilikan negara adalah kekayaan yang pentadbirannya diserahkan kepada ketua negara. Contohnya adalah zakat, *jizyah*, *kharaj*, harta orang-orang murtad (yang dibunuh), harta yang tidak mempunyai ahli waris dan sebagainya.

Sedangkan cara memperoleh pemilikan individu adalah :

- 1) Berkerja, baik dalam urusaniaga, industri mahupun pertanian
- 2) Waris
- 3) Adanya keperluan yang mendesak ke atas harta untuk mempertahankan hidup, dengan mengambil harta orang lain.
- 4) Pemberian negara secara percuma
- 5) Harta yang diperolehi tanpa pengorbanan seperti hadiah, hibah dan sedekah

Asas kedua:

Pentadbiran pemilikan (*Tasyarruf al milkiyah*), iaitu cara yang wajib dilaksanakan oleh seorang muslim ketika menggunakan dan memanfaatkan hartanya. Untuk itu, Islam telah menentukan dua cara:

- 1) Pengembangan harta (*tanmiyatu al mal*)
- 2) Pembelanjaan hak milik (*Al infaq*)

Pengembangan pemilikan berbeza dengan sebab pemilikan. Apabila sebab pemilikan berkenaan dengan usaha orang yang sebelumnya belum mempunyai kekayaan, maka pengembangan pemilikan adalah usaha orang sebelumnya telah mempunyai kekayaan. Berkenaan dengan pengembangan pemilikan, Islam telah membenarkan seseorang untuk mengembangkan harta miliknya melalui pemiagaan, seperti jual beli, sewa menyewa dan syarikat serta mengharamkan riba', melakukan penimbunan, menipu, berjudi dan sebagainya. Juga melalui pertanian seperti memiliki tanah untuk ditanami, dan mengharamkan tanah sawah atau ladang untuk disewakan. Atau dengan melalui industri, seperti dibenarkan seorang muslim untuk

— Al-Jawahir 2 —